



11 Julai 2018
11 July 2018
P.U. (A) 164

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR
(PEMERIKSAAN BERKALA, KELENGKAPAN DAN
STANDARD PEMERIKSAAN) (PINDAAN) 2018

*MOTOR VEHICLES (PERIODIC INSPECTION,
EQUIPMENT AND INSPECTION STANDARD)
(AMENDMENT) RULES 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 66B dan 66G Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) (Pindaan) 2018**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 12 Julai 2018.

Pindaan kaedah 2

2. Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) 1995 [P.U. (A) 49/1995], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 2 dengan memasukkan sebelum takrif “pemeriksaan” takrif yang berikut:

“kenderaan *e-hailing*” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715];’.

Pindaan kaedah 4

3. Kaedah 4 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) bagi kenderaan baharu, sekali dalam tiap-tiap dua belas bulan bagi dua tahun yang pertama dan selepas itu sekali dalam tiap-tiap enam bulan, kecuali bagi subkategori kenderaan kereta sewa, teksi, teksi

mewah dan kenderaan *e-hailing*”;

(b) dengan menggantikan perenggan (aa) dengan perenggan yang berikut:

“(aa) bagi treler kontena pengeluaran baharu, sekali dalam tiap-tiap dua belas bulan bagi sepuluh tahun yang pertama;” dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (aa) perenggan yang berikut:

“(ab) bagi subkategori kenderaan kereta sewa, teksi, teksi mewah dan kenderaan *e-hailing* yang telah mencapai usia tiga tahun dari tarikh pendaftaran kenderaan itu di bawah seksyen 7 Akta, sekali dalam tiap-tiap dua belas bulan; dan”.

Pindaan Jadual Pertama

4. Jadual Pertama kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) berhubung dengan kategori kenderaan “KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM”—

(i) dengan menggantikan subkategori kenderaan “Perkhidmatan Awam—Kereta Sewa” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan subkategori kenderaan dan butir-butir yang berikut:

<i>Sub-kategori Kenderaan</i>	<i>Kod Pendaftaran</i>	<i>Jenis-Jenis Struktur Badan</i>	<i>Jenis-Jenis Kod Badan</i>
“j. Perkhidmatan Awam— Kereta Sewa	(DA)	Bas Jip Motokar Van Kenderaan Pelbagai Utiliti Pikap	(BAS) (JIP) (MKR) (VAN) (MUV) (PIC)”;

- (ii) dengan menggantikan subkategori kenderaan “Perkhidmatan Awam—Teksi” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan subkategori kenderaan dan butir-butir yang berikut:

<i>Sub-kategori Kenderaan</i>	<i>Kod Pendaftaran</i>	<i>Jenis-Jenis Struktur Badan</i>	<i>Jenis-Jenis Kod Badan</i>
“l. Perkhidmatan Awam—Teksi	(EA)	Jip	(JIP)
		Motokar	(MKR)
		Van	(VAN)
		Kenderaan Pelbagai Utiliti	(MUV)
		Pikap	(PIC)”; dan

- (iii) dengan menggantikan subkategori kenderaan “Perkhidmatan Awam—Teksi Limosin” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan subkategori kenderaan dan butir-butir yang berikut:

<i>Sub-kategori Kenderaan</i>	<i>Kod Pendaftaran</i>	<i>Jenis-Jenis Struktur Badan</i>	<i>Jenis-Jenis Kod Badan</i>
“m. Perkhidmatan Awam—Teksi Mewah	(EB)	Jip	(JIP)
		Motokar	(MKR)
		Van	(VAN)
		Kenderaan Pelbagai Utiliti	(MUV)
		Pikap	(PIC)”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas kategori kenderaan “KENDERAAN SEKOLAH MEMANDU” dan butir-butir yang berhubungan dengannya kategori kenderaan dan butir-butir yang berikut:

<i>Kategori Kenderaan</i>	<i>Sub-kategori Kenderaan</i>	<i>Kod Pendaftaran</i>	<i>Jenis-Jenis Struktur Badan</i>	<i>Jenis-Jenis Kod Badan</i>
“4. KENDERAAN E-HAILING	a. <i>E-hailing—Kenderaan E-hailing</i>	(AH)	Jip	(JIP)
			Motokar	(MKR)
			Van	(VAN)
			Kenderaan Pelbagai Utiliti	(MUV)
			Pikap	(PIC)”.

Peralihan

5. Mana-mana subkategori kenderaan kereta sewa, teksi dan teksi mewah yang telah mencapai usia tiga tahun dari tarikh pendaftaran kenderaan itu di bawah seksyen 7 Akta hendaklah, pada bila-bila masa dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, menjalani pemeriksaan berkala mengikut Kaedah-Kaedah ibu sebagaimana yang dipinda oleh Kaedah-Kaedah ini.

Dibuat 11 Julai 2018
[KP/BP/P]/0.36 Jld. 18(10); PN(PU2)460/XCVII]

LOKE SIEW FOOK
Menteri Pengangkutan

ROAD TRANSPORT ACT 1987

MOTOR VEHICLES (PERIODIC INSPECTION, EQUIPMENT AND INSPECTION
STANDARD) (AMENDMENT) RULES 2018

IN exercise of the powers conferred by sections 66B and 66G of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Motor Vehicles (Periodic Inspection, Equipment and Inspection Standard) (Amendment) Rules 2018**.

(2) These Rules come into operation on 12 July 2018.

Amendment of rule 2

2. The Motor Vehicles (Periodic Inspection, Equipment and Inspection Standard) Rules 1995 [P.U. (A) 49/1995], which is referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 2 by inserting after the definition of “competent authority” the following definition:

‘ “e-hailing vehicle” has the meaning assigned to it in the Commercial Vehicles Licensing Board Act 1987 [Act 334] and the Land Public Transport Act 2010 [Act 715];’.

Amendment of rule 4

3. Rule 4 of the principal Rules is amended—

(a) by substituting for paragraph (a) the following paragraph:

“(a) for a newly manufactured vehicle, once in every twelve months for the first two years and thereafter once in every six months, except for the subcategories of vehicles of hire car, taxi cab, limousine taxi cab and e-hailing vehicle;”;

(b) by substituting for paragraph (aa) the following paragraph:

“(aa) for a newly manufactured container’s trailer, once in every twelve months for the first ten years;” and

(c) by inserting after paragraph (aa) the following paragraph:

“(ab) for the subcategories of vehicles of hire car, taxi cab, limousine taxi cab and e-hailing vehicle which have reached the age of three years from the registration dates of the vehicles under section 7 of the Act, once in every twelve months; and”.

Amendment of First Schedule

4. The First Schedule to the principal Rules is amended—

(a) in relation to the category of vehicle “PUBLIC SERVICE VEHICLE”—

(i) by substituting for the subcategory of vehicle “Public Service—Hire Car” and the particulars relating to it the following subcategory of vehicle and particulars:

<i>Sub-categories of Vehicles</i>	<i>Registration Code</i>	<i>Types of Body Structure</i>	<i>Types of Body Code</i>
“j. Public Service— Hire Car	(DA)	Bus Jeep Motorcar Van Multi Utility Vehicle Pick-Up	(BAS) (JIP) (MKR) (VAN) (MUV) (PIC)”;

(ii) by substituting for the subcategory of vehicle “Public Service—Taxi-Cab” and the particulars relating to it the following subcategory of vehicle and particulars:

<i>Sub-categories of Vehicles</i>	<i>Registration Code</i>	<i>Types of Body Structure</i>	<i>Types of Body Code</i>
"l. Public Service— Taxi-Cab	(EA)	Jeep Motorcar Van Multi Utility Vehicle Pick-Up	(JIP) (MKR) (VAN) (MUV) (PIC)"; and

- (iii) by substituting for the subcategory of vehicle "Public Service—Limousine Taxi-Cab" and the particulars relating to it the following subcategory of vehicle and particulars:

<i>Sub-categories of Vehicles</i>	<i>Registration Code</i>	<i>Types of Body Structure</i>	<i>Types of Body Code</i>
"m. Public Vehicle— Limousine Taxi-Cab	(EB)	Jeep Motorcar Van Multi Utility Vehicle Pick-Up	(JIP) (MKR) (VAN) (MUV) (PIC)"; and

- (b) by inserting after the category of vehicle "DRIVING SCHOOL" and the particulars relating to it the following subcategory of vehicle and particulars:

<i>Categories of Vehicles</i>	<i>Sub-categories of Vehicles</i>	<i>Registration Code</i>	<i>Types of Body Structure</i>	<i>Types of Body Code</i>
"4. E-HAILING VEHICLE	a. E-hailing— E-hailing Vehicle	(AH)	Jeep Motocar Van Multi Utility Vehicle Pick-Up	(JIP) (MKR) (VAN) (MUV) (PIC)".

Transitional

5. Any subcategory of vehicle of hire car, taxi cab and limousine taxi cab which have reached the age of three years from the registration dates of the vehicles under section 7 of the Act shall, at any time within the period of six months from the date of coming into operation of these Rules, undergo periodic inspection in accordance with the principal Rules as amended by these Rules.

Made 11 July 2018

[KP/BP/P]/0.36 Jld. 18(10); PN(PU2)460/XCVII]

LOKE SIEW FOOK
Minister of Transport